

Bahasa Melayu jambatan hubungkan rakyat, negara

Dari satu segi, jaminan bahasa Melayu akan terus menjadi bahasa utama di negara ini bukan sahaja memperlihatkan ada keprihatinan dalam kalangan kita, ia juga adalah janji selain keyakinan kita semua terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa negara untuk mendukung pelbagai peranan kenegaraan. Antaranya sebagai alat perpaduan dan kemajuan.

Akan tetapi, dari segi lain, di samping adalah retorik sahaja, ia itu lafaz untuk meyakinkan pihak yang mendengarnya, sedangkan hakikat adalah sebaliknya dan bersifat indah khabar daripada rupa, yakni pemberitahuan berlebih-lebih yang sebenarnya tidak pun begitu, jaminan ini bukan sahaja ironik, tetapi mengelirukan.

Bahasa Melayu dikesamping

Hampir semua perkara yang berlaku kepada bahasa Melayu sejak kebelakangan ini, memperlihatkan bukan sahaja ia dikesampingkan, ia dalam perjalanan ke alam kepupusan. Sehubungan ini, kepupusannya tidaklah sehingga membawa kepada kematian, tetapi ia akan menjadi tidak aktif lagi selepas banyak peranan pentingnya diambil alih bahasa lain yang lebih berkuasa, berprestij dan penuh dengan glamor pula, iaitu bahasa Inggeris.

Hal ini sudah pun berlaku apabila sistem pendidikan kita membenarkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar bersama melalui Program Dwibahasa kini. Walaupun, bahasa Melayu masih digunakan untuk menyampaikan kandungan sains, teknologi dan seumpamanya, peranannya sebagai bahasa utama itu mengecil melalui perkongsian ini.

Dampak perkongsian ini bukan sekadar melihat bahasa Melayu kini bermadu, ia pasti akan meranapkannya dalam jangka panjang. Persaingan dengan bahasa antarabangsa paling unggul ini perlu dielakkan sama sekali. Perkara ini sebenarnya selalu dipesan Bahagian Pendidikan, Sains dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) agar kita semua menjaga bahasa kita sebaiknya daripada didominasi bahasa Inggeris yang akhirnya boleh terus melenyapkannya.

Dalam hal ini, Program Dwibahasa akan mewujudkan keadaan bahasa Melayu yang lebih banyak digunakan di sekolah luar bandar dan pedalaman. Ini akan menjadikan bahasa Melayu bahasa 'rural' pada tahap pertamanya, dan bahasa 'minor' pada tahap akhir perkembangannya dalam abad 21 ini.

Dengan taraf sedemikian remeh yang sudah tentu rendah martabatnya, bagaimanakah ia boleh te-

rus berupa bahasa utama, bukan sahaja sebagai bahasa urban, tetapi bahasa major di negara ini.

Program Dwibahasa di sekolah dan seumpamanya yang berlaku dalam pendidikan tinggi kita, perlu dikaji semula agar bahasa Melayu terus kekal sebagai bahasa utama di negara ini seperti yang dijamin. Dalam hal ini, kita hendaklah memastikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris itu saling melengkapi, dan tidak sekali bersaing antara satu sama lain.

Untuk ini, kita hendaklah jelas bahawa bahasa ilmu kita ialah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah bahasa sumber ilmu. Dengan ini, dua bahasa ini digemblengkan secara bergandingan walaupun dalam dua peranan berbeza untuk memberi kebaikan kepada kita, antaranya mempertingkat mutu dan lain-lain. Oleh itu, bahasa Inggeris kita kuasai kerana kepentingannya dalam bidang pendidikan dan bahasa Melayu kita daulatkan kerana ia bahasa negara kita.

Sebaliknya, Program Dwibahasa tidak dapat dinafikan adalah tindakan yang semacam melagakan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Dalam konteks ini, satu bahasa akan pasti dianggap lebih berjaya daripada yang satu lagi. Anggapan kejayaan bahasa Inggeris di sini sebenarnya adalah kerana tiadanya sikap positif terhadap bahasa Melayu dalam kalangan kita untuk meyakini kemampuannya.

Bahasa utama

Dalam usaha kita mahu terus menjadikan bahasa Melayu bahasa utama di negara ini, kita hendaklah menganggap bahasa Melayu sebagai bahagian wajib dalam budaya nasional kita untuk memberi identiti budaya kepada kita sebagai sebuah bangsa dan negara Malaysia yang utuh lagi berdaulat.

Hanya melalui bahasa Melayu, sejarah rakyat dan negara ini bukan sahaja boleh terus dilindungi, ia sebenarnya jambatan abadi yang menghubungkan rakyat dengan negara ini yang menjadi tanah air mereka.

Selain ini, sebagai bahasa utama, bahasa Melayu perlu dipastikan selalu bersifat fungsional, yakni banyak digunakan dalam segenap kegiatan rakyat, khususnya yang berbentuk budaya tinggi, dan tidak boleh sesekali bersifat simbolik, iaitu hanya berbangga dengan kedudukan utamanya yang dijamin sistem perundangan negara.

Penulis
ialah Profesor di Universiti
Negarabangsa Malaysia dan EXCO
Majlis Profesor Negara



HD AZIS
AH

h.com.my



TEO KOK
SEONG